

# PENGENALAN ADAT ISTIADAT BRUNEI, NAUBAT DAN GENDANG JAGA-JAGA

*oleh*

Yang Mulia

Awangku Mohd Noor Hamaddi bin Pengiran Ahmad

[Pegawai Adat Istiadat]

23 October 2018

- Setiap bangsa di dunia mempunyai peraturan adat masing-masing. Peraturan ini berbeza di antara satu dengan yang lain kerana peraturan tersebut telah dicipta mengikut pengalaman dan pandangan yang berbeza di antara satu bangsa dengan bangsa yang lain. Adat Istiadat merupakan salah satu cabang kebudayaan yang dapat diertikan sebagai:-
- *“Keseluruhan yang bercorak susunan-susunan yang berkait-kaitan dengan ilmu pengetahuan, kebudayaan, kesenian, undang-undang dan lain-lain kebiasaan yang diamalkan, yang mana dilingkungi oleh kesanggupan dan keupayaan atau peraturan-peraturan yang mengawal kebaikan dan keburukan masyarakatnya yang tidak terkeluar dari dua unsur yang besar iaitu ‘kemelayuan dan keugamaan.’”*

- Dalam Adat Istiadat Brunei, ianya merupakan suatu corak perbuatan warisan, baik yang lama (lapok), ataupun yang ditiru cipta, diubahsuai dan dibisaikan tetapi keasliannya tetap dikekalkan.
- Dalam Pemashhoran Mengangkat Raja dan Melantik Pemangku Raja 1959 bab (30) (i) dinyatakan bahawa *“Kecuali kalau berlainan dengan butir2 dalam pemashhoran ini maka Adat Istiadat Negeri Brunei yang purbakala yang berkaitan dengan Sultan dan Pemangku Raja atau dengan hal mengornia atau memegang, melucutkan pangkat, gelaran, kebesaran, kemuliaan atau pingat kebesaran atau keutamaan akan terus berkuatkuasa.”*
- Dari factor-faktor yang disebutkan di atas bahawasanya Adat Istiadat Brunei itu merupakan suatu perkara yang sah dan berkuatkuasa di negara ini.

- Adat Istiadat Brunei mempunyai dasar-dasar dan asas-asas yang tertentu yang bertujuan untuk mewujudkan keharmonian dan menjamin kesejahteraan anggota masyarakat di dalamnya, seperti berikut:-

*i. Persatuan dan Perpaduan Rakyat.*

*ii. Taat Setia.*

*iii. Asli yang turun temurun.*

*iv. Boleh dimodenkan dengan tidak menghilangkan keasliannya.*

*v. Bersendikan ugama.*

*vi. Menurut kemampuan dan berekonomi.*

### **(i) Persatuan Dan Perpaduan Rakyat**

- Dalam Buku Adat Istiadat Brunei tahun 1958 ada menyatakan bahawa Negara Brunei berdiri atas persatuan dan perpaduan hati rakyat yang telah menyerahkan kuasa diri masing-masing kepada Raja (Sultan), dan Sultan adalah sebagai wakil rakyat yang mutlak dan menjadi turus negara tertinggi untuk mengawasi dan menjalankan pemerintahan negara. Ini adalah juga terdapat dalam Perlembagaan Negeri Brunei tahun 1959, Bahagian III, kuasa memerintah Bab 4 (i).
- *“Kuasa memerintah yang tertinggi bagi Negeri adalah terletak di dalam tangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan”.*
- Persatuan dan perpaduan rakyat akan menjadikan negara kuat, teguh dan aman serta ketenteraman dapat dipelihara dan dipertahankan, agar kemakmuran dapat dirasakan dan dinikmati oleh semua penduduk negara ini.

## **(ii) Taat Setia**

- Sejak dahulu lagi, nilai memuliakan orang tua-tua, ibu bapa dan lebih-lebih lagi kepada raja sebagai pemerintah, sudah tumbuh dengan suburnya di kalangan orang-orang Melayu Brunei. Pada pandangan rakyat biasa raja-raja itu mempunyai kekuasaan yang luar biasa atau amat istimewa yang tiada tolak bandingnya. Atas dasar ini, Sultan sebagai wakil dijulung oleh rakyat dan taat setia dicurahkan kepada Baginda. Rakyat mestilah bersatu padu berdiri di belakang Baginda dan menyokong pemerintahan Baginda dengan sepenuh hati dan berpegang kepada peribahasa orang tua-tua bahawa “Raja tidak boleh zalim dan rakyat tidak boleh derhaka.”
- Apabila pengamalan beragama semakin kuat maka pengamalan nilai taat setia juga semakin kukuh kerana perkara ini juga bertepatan dengan ajaran ugama Islam yang menganjurkan supaya taat setia kepada Raja dan Pemerintah. Islam menyifatkan pemerintah itu sebagai Ulul Amri dan payung Allah di muka bumi.

### **(iii) Asli dan turun-temurun**

- Sebagai sebuah negara tua di rantau nusantara ini, Negara Brunei Darussalam telah melalui berbagai-bagai proses corak kehidupan yang sudah semestinya menghimpunkan banyak pengalaman. Dari ketuaannya itu Negara Brunei Darussalam masih mempunyai Adat Istiadat purbakala yang turun-temurun yang masih dapat dipelihara oleh masyarakat bangsanya. Dengan keteguhan berpegang kepada Adat Istiadat yang diwarisi turun-temurun itulah yang mendorong orang-orang Brunei hidup bertamadun sejak dahulu lagi, dengan mempunyai keperibadiannya yang tinggi yang sentiasa terpelihara walaupun ia menempuh berbagai-bagai ujian.
- Antara warisan adat yang masih dipelihara ialah Naubat Kebesaran Diraja yang masih dipakai oleh Sultan-Sultan Brunei sejak dahulu kala hinggalah sekarang ini. Naubat merupakan beberapa jenis titir atau lagu yang dimainkan dengan menggunakan alat-alat tertentu. Titr atau lagu tersebut masing-masing dinamakan Naubat Biasa, Naubat Iskandar dan Naubat Ibrahim. Alat-alat yang digunakan untuk memainkan titir atau lagu itu terdiri dari sebuah Nakara, dua buah Gendang Labek dan Serunai.

#### **(iv) Boleh Dimodenkan Tanpa Mengubah Keasliannya**

- Adat Istiadat bukanlah peraturan yang beku bahkan ianya terus hidup subur dan berkembang dengan menerapkan unsur-unsur kebudayaan yang bersesuaian dengan keperibadian orang-orang Brunei. Penerapan unsur-unsur ini semata-mata bertujuan supaya Adat Istiadat itu sesuai dengan kemajuan dan perubahan zaman. Walau Bagaimanapun ciri-ciri keasliannya dan nilai-nilai hidup yang didokong adat itu tetap dikekalkan.
- Pada zaman pemerintahan Al-Marhum Sultan Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, semasa Baginda berpuspa pada 31 Mei, 1951, Baginda menaiki Usungan dan Usungan itu di angkat di atas bahu pengusung-pengusung yang diaturkan. Tetapi semasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Binda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah berpuspa pada 1 Ogos, 1968, Baginda menaiki Usungan juga, tetapi Usungan itu tidak diusung di atas bahu bahkan dipasang roda dan ditarik oleh orang-orang yang ditentukan. Inilah satu contoh permodenan yang disesuaikan dengan keadaan zaman dengan tidak merombak keasliannya, yang mana bentuk asli usungan itu masih dikekalkan tetapi cara pengendalian usungan itu dipermudahkan lagi dengan memasang roda dan tidak diusung di atas bahu.





### **(v) Bersendikan Ugama**

- Tidaklah dapat dinafikan Ugama merupakan salah satu unsur yang diterapkan ke dalam adat istiadat dan kebudayaan sesuatu bangsa. Ajaran Ugama Islam telah meresap di jiwa orang-orang Brunei, maka ia secara tidak langsung mempengaruhi perkembangan Adat Istiadat Brunei itu sendiri.
- Ini dapat dilihat melalui ayat-ayat Al-Quran yang tertulis dalam Alat-Alat Kebesaran Diraja seperti di Perisai, di Kain Sesandang, dan di atas Patarana dan Singgahsana. Manakala pengamalan nilai-nilai yang berkaitan dengan ugama Islam juga dapat disaksikan dalam mana-mana jua majlis yang beristiadat atau lain-lain upacara seumpamanya, iaitu ia akan disertai dengan bacaan doa selamat. Pendeknya ajaran-ajaran Islam sentiasa dititikberatkan dan digunakan bagi mencapai keredhaan Allah.



## **(vi) Menurut Kemampuan Dan Berekonomi**

- Dalam melaksanakan Adat Istiadat, ianya hendaklah disesuaikan dengan kemampuan kita supaya tidak berlaku sebarang pembaziran, sebagaimana kata orang tua-tua “Jangan besar pasak dari tiang.”
- Misalnya pada zaman dahulu Adat Berjaga-jaga atau Baurung-urung di tempat kediaman orang yang hendak digelar itu jangka masa mengadakan adat berjaga-jaga tertakluk kepada gelaran yang akan dikurniakan. Bagi Wazir empat puluh hari, bagi Kepala Cheteria tiga puluh hari, bagi Cheteria-Cheteria dua puluh hari, bagi Pehin Datu Perdana Manteri dan Kepala Manteri empat belas hari dan Manteri-Manteri yang lain dua belas hari. Pada masa ini jangka masa tersebut telah diubah tidak kurang dari tiga hari dan tidak lebih dari empat belas hari.

**Pengenalan Naubat**  
**dan Gendang Jaga-Jaga**



## Naubat dan Gendang Jaga-Jaga

- Naubat dan Gendang Jaga-Jaga itu adalah Alat Kebesaran Diraja yang utama yang menjadi simbol kebesaran negara. Kedua-duanya adalah melambangkan kedaulatan Sultan yang memerintah di atas takhta singgahsana Kerajaan Negara Brunei Darussalam.
- Sejak mula lagi, Naubat dititir setiap hari selagi ada hayat Sultan yang memerintah. Apabila Sultan yang memerintah itu lindung Gendang Naubat itu ditutup (diberhentikan/tidak dititir) sehingga Sultan yang baru itu dipuspakan. Demikian juga apabila Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan mangkat/kembali kerahmatullah, Gendang Naubat ini akan ditutup menurut bilangan hari yang ditetapkan dan akan dibuka dengan penuh istiadat.



information

department





- **“Pegandang”** adalah orang-orang pilihan yang terdiri daripada orang yang datuk nininya berasal menjadi pengandang. Kalaupun tidak ada akan dipilih daripada orang-orang yang mempunyai bakat dan kecenderungan meniup Serunai, menitir Nakara, mengual Gendang Labek, Agong dan Chanang. Pegandang-pegandang ini juga orang-orang yang mempunyai perangai yang baik, beradab serta bertertib, tahu dan boleh bergaul dengan Keluarga Diraja, Wazir, Cheteria, Pengiran-Pengiran Peranakan serta Pehin-Pehin Manteri. Dengan adanya pengetahuan tersebut maka akan menyenangkan pegandang-pegandang mengendangkan mereka apabila melintasi di rumah pegandangan. Disamping itu juga pegandang-pegandang perlu mengetahui bahasa dalam, kiranya terdapat kesilapan ketiaka mengendang, pegandang-pegandang tersebut akan senang menjunjung ampun atau meminta maaf di atas kesilapan-kesilapan itu kepada orang-orang yang berkenaan.

## Adab Dan Tatatertib

- Mempunyai sifat yang tegas, sabar serta penuh minat dalam menjalankan tugas seharian.
- Duduk dengan tertib mengadapi peralatan gendang seperti Nakara, Gendang Labek, Serunai, Agong dan Chanang menurut letaknya yang ditetapkan.
- Memakai pakaian yang kemas menurut waktu istiadat, jika siang memakai sepengadak hitam dan jika sebelah malam memakai sepengadak putih. Bagi Ketua Juru Laki dan Juru Laki mereka akan memakai pakaian seragam (*uniform*) warna merah pada waktu siang dan pakaian seragam (*uniform*) putih pada waktu malam.
- Tidak meninggalkan peralatan-peralatan gendang tanpa ada orang yang menunggu walaupun masa tidak bergendang.

- Apabila hampir waktu hendak menitir (kira-kira 15 minit sebelum) barulah peralatan tersebut diatur di tempat yang dikhaskan, dan dihadapi oleh pegandang-pegandang sehingga selesai menitir.
- Apabila selesai semua peralatan tersebut hendaklah disimpan di tempatnya yang asal dengan sempurna supaya ianya tidak rosak, terutama sekali Nakara, kerana Nakara itu adalah alat utama di antara yang lain-lain. Nakara ini diletakkan di atas kaban (peti) Mahkota. Maka adalah menjadi tanggungjawab kepada pegandang-pegandang memastikan peralatan ini dipelihara dan disimpan dengan baik.
- Dalam masa bergendang, pegandang-pegandang mestilah menumpukan dengan penuh minat terhadap titir yang dimainkan agar irama-irama tersebut menurut susunan-susunannya.

- **Waktu-waktu Naubat digual adalah**

- Sebelum sembahyang fardhu Subuh
- Sebelum sembahyang fardhu Maghrib
- Sebelum sembahyang fardhu Isya

- **Waktu-waktu Naubat ditutup**

- Jika sekiranya Sultan lindung atau berlaku kemangkatan bagi Kerabat Diraja atau Wazir atau Cheteria meninggal dunia termasuk Pengiran Peranakan tempoh Naubat ditutup adalah seperti dibawah dan setelah itu dibuka semula dengan satu istiadat;
  - Sultan akan ditutup sehingga Sultan yang baru dipuspakan
  - Raja Isteri, Begawan Sultan, Suri Begawan, Duli Pengiran Muda Mahkota, dan Putera-Puteri Sultan yang Gahara akan ditutup 40 hari
  - Pengiran-Pengiran Cheteria akan ditutup 20 hari
  - Cucu Sultan dan Anak Wazir akan ditutup 14 hari
  - Piut Sultan, Cucu Wazir dan Anak Cheteria selama 7 hari
  - Antah Sultan, Piut Wazir dan Cucu Cheteria dan selama 5 hari

- **Naubat**

- **Naubat Biasa**

Naubat yang dititir pada tiap-tiap hari pada waktu-waktu yang ditetapkan bagi sepanjang hayat seorang Sultan mulai saat Baginda dipuspakan menjadi Yang Di-Pertuan.

Jika ada sesiapa yang lalu (berjalan) di tempat Naubat itu dititir, maka Juru akan menangkap orang itu dan mengenakan denda. Denda ini tidaklah ditentukan kadarnya menurut kemahuan dan kemampuan yang kena denda.

- **Naubat Iskandar**

Naubat ini dititir sebanyak tujuh kali selepas pengisytiharan Sultan yang baru ditabalkan di hadapan jenazah Al-Marhum Sultan yang disemayamkan di hadapan Patarana di Lapau, dan setiap kali titir disertai dengan seruan sembah yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Lagi Dihormati Pehin Orang Kaya Di-Gadong Seri Diraja supaya sekalian yang hadir di majlis itu semuanya mengangkat sembah penghormatan kepada Sultan yang baru.

- **Naubat Ibrahim**

Naubat yang dititir sebanyak tujuh kali juga semasa hendak memasukkan jenazah Al-Marhum Sultan ke liang lahad.

## **Alat-Alat Naubat dan Gendang Jaga-Jaga**

- Nakara
- Gendang Labek
- Serunai
- Agung
- Chanang

## **Irama Serunai**

- Liu-Liu
- Kudidi
- Sangga Bunuh

## **Irama Gendang**

- Gendang Perang
- Gendang Alih-Alihan Tengah
- Gendang Alih-Alihan Hujung
- Gendang Raja Lalu
- Gendang Arak-Arakan
- Gendang Jaga-Jaga (Gendang berjaga-jaga)



## Membuka Gendang Jaga-Jaga

- Adalah menjadi adat apabila hendak mengadakan “Majlis-majlis yang beristiadat” terlebih dahulu akan dibukakan Gendang Jaga-Jaga dalam satu majlis beristiadat yang diadakan di Lapau atau di tempat yang disifatkan sedemikian.
- Majlis ini akan dihadiri oleh Pembesar-Pembesar Negara termasuk Pengiran-Pengiran Peranakan dan orang-orang yang ditentukan menurut istiadat. Dari permulaan Gendang Jaga-Jaga itu dibuka sehinggalah Gendang Jaga-Jaga ini ditutup.
- Waktu-waktu yang terkandung di dalamnya dinamakan “Musim Beristiadat”.
- Gendang Jaga-Jaga itu akan ditutup dengan “Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga dan Membaca Doa Selamat”.

### **Istiadat-Istiadat yang dibukakan Gendang Jaga-Jaga ialah:-**

- Istiadat Berpuspa.
- Istiadat Pemasyhuran dan Mengarak Duli Pengiran Muda Mahkota.
- Mengarak Wazir dan Mengangkat Ketua Kepala Cheteria (jika dikurniakan).
- Istiadat Perkahwinan Diraja, bagi Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang Gahara (disebelah pihak pengantin lelaki atau perempuan jika dikurniakan).
- Istiadat Berkhatan atau Bertindik bagi Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan yang Gahara.
- Istiadat Meluaran, bagi Duli Raja Isteri dan Putera-Putera dan Puteri-Puteri Sultan).
- Mana-mana jua istiadat bersesuaian yang patut dibuka Gendang Jaga-Jaga (jika ada titah).

## Gendang Perang

### **I. Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga**

Gendang Perang ini dititir dalam masa istiadat membuka Gendang Jaga-Jaga diadakan di Lapau atau di suatu tempat yang disifatkan sedemikian. Ketua Juru Laki/Juru Laki mula menitir Nakara diikuti dengan Gendang Labek, Serunai, Agong dan Chanang seterusnya diikuti dengan tembakan meriam. Setiap kali meriam itu ditembakkan akan diikuti dengan titir Gendang Perang. Ini akan berterusan hingga 21 kali mengikut jumlah tembakan meriam.

Selasai saja Gendang Jaga-Jaga itu dibuka dengan rasminya, Gendang Jaga-Jaga akan disambung pula dengan Gendang Alih-Alihan Tengah dan Alih-Alihan Hujung. Sesudah itu akan dititir pula Gendang Perang sebagai penghormatan kepada yang hadir dan yang berhak digendangkan.

Titir Gendang Perang untuk yang hadir ini ada dua peringkat. Peringkat pertama yang bernakara adalah untuk Keluarga Diraja, Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan. Bagi Pehin-Pehin Manteri yang berchiri akan dititirkan Gendang Perang tidak bernakara.

## **II. Dalam Majlis Berjaga-jaga**

Gendang Perang dititir apabila orang-orang yang berkelayakan untuk digendangkan iaitu Keluarga Diraja, Wazir-Wazir, Cheteria-Cheteria dan Pengiran-Pengiran Peranakan berangkat melalui kawasan peggandangan termasuklah Pehin-Pehin Manteri berchiri.

Jika ada tetamu-tetamu dari luar negeri bolehlah juga dititir Gendang Perang tetapi tertakluk kepada titah.

### **III. Mengiringkan Istiadat**

- Istiadat Pemasyhuran dan Mengarak Duli Pengiran Muda Mahkota.
- Istiadat Mengarak Wazir dan Mengangkat Ketua Kepala Cheteria.
- Istiadat Bersiram.
- Istiadat Menerima Tanda.
- Istiadat Menerima Pertunangan.
- Istiadat Berbedak.
- Istiadat Akad Nikah.
- Istiadat Berinai.
- Istiadat Bersanding.
- Istiadat Berkhatan dan Bertindik.
- Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga dan Membaca Doa Selamat.
- Istiadat Bersiram dan Istiadat Berbedak Lulutan.

## **Gendang Alih-Alihan Tengah**

Sejenis gendang yang dititir sesudah pembukaan istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga. Gendang Alih-Alihan Tengah ini juga dititir pada waktu yang ditetapkan dalam majlis berjaga-jaga sebagai menandakan malam jaga-jaga itu sudah melebihi pertengahan atau separuh perjalanan masanya. Jika titir Gendang Alih-Alihan Tengah telah dimulakan pada malam berjaga-jaga bermakna tiada lagi orang yang akan datang menghadiri majlis berjaga-jaga.

## **Gendang Alih-Alihan Hujung**

Sejenis gendang yang dititir sesudah pembukaan Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga. Titir Gendang Alih-Alihan Tengah dan dititir Gendang Alih-Alihan Hujung adalah menandakan penamat istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga. Manakala titir Gendang Perang yang mengikutinya adalah sebagai penghormatan kepada yang hadir. Gendang Alih-Alihan Hujung akan dititir dalam suatu masa yang ditentukan. Jika dititir pada waktu malam berjaga-jaga menandakan majlis berjaga-jaga itu akan ditamatkan.

## **Gendang Raja Lalu**

Gendang yang dititir semasa perangkatan Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Raja Isteri, atau isteri-isteri lain Sultan atau Begawan Sultan atau Suri Seri Begawan Raja dalam “Musim Istiadat” melalui kawasan pegandangan. Peggandang-pegandang yang memukul Gendang Labek adalah dikehendaki memukul dengan berdiri ketika memainkan gendang ini.



## **Gendang Arak-Arakan**

Sejenis titir tertentu dalam Gendang jaga-jaga. Ia dititir di dalam istiadat mengarak dalam “Musim Istiadat” seperti mengarak Sultan selepas berpuspa dari Lapau hingga ke Istana dan juga mengarak Pengantin Diraja. Selain daripada itu Gendang Arak-Arakan ini juga akan dititir dalam istiadat mengiringkan jenazah semasa lindung atau mangkat bagi orang-orang yang berkelayakan seperti Keluarga Diraja dan Wazir tertakluk kepada persesuaiannya.

## **Gendang Jaga-Jaga dalam Musim Beristiadat**

Setelah Gendang Jaga-Jaga dibuka dengan rasminya, maka dari masa itu perhiasan untuk istiadat yang akan dijalankan itu pun mula dipasang di tempat-tempat yang dikehendaki oleh istiadat itu, dan Gendang Jaga-Jaga itu terus dititir sehingga sempurna titir yang diatitkan pada waktu yang ditentukan, iaitu pada sebelah pagi (sesudah matahari naik sepenggalah), selepas waktu Zuhur dan selepas waktu Asar. Kemudian disambung lagi selepas waktu isyak sehingga hampir tengah malam atau sehingga majlis berjaga-jaga pada masa itu tamat.

Sebagai pembukaan, Gendang Jaga-Jaga itu dimulai dengan titir Gendang Perang yang dititir sehingga tiga suku daripada masa yang diuntukkan baginya. Setelah itu diikuti dengan Gendang Alih-Alihan Tengah dan akhir sekali diikuti dengan Gendang Alih-Alihan Hujung. Sebagai penghormatan sebelum bersurai Gendang Perang akan dititirkan khas untuk orang yang hadir yang mana bilangannya akan mengikut bilangan orang yang layak digendangkan.

Dalam musim istiadat, jika Sultan dan Yang Di-Pertuan atau Raja Isteri atau isteri-isteri lain Sultan, Begawan Sultan atau Suri Seri Begawan Raja berangkat melalui kawasan penggandangan itu, maka gendang yang sedang dititir hendaklah diberhentikan digantikan dengan katar Gendang Raja Lalu sehingga Baginda ini melimpasi kawasan peggandangan, Gendang Raja Lalu akan diberhentikan akan disambung dengan Gendang Perang untuk pengiring rombongan Baginda yang berkelayakan.

Peraturan menitir Gendang Perang untuk mengalu-alukan keberangkatan atau kedatangan orang yang berkelayakan untuk digendangkan dalam musim istiadat adalah seperti berikut:-

- Gendang Perang ini akan dimulakan dengan “katar” dan selepas itu barulah diteruskan titirnya. Apabila orang yang berkelayakan itu digendangkan berangkat atau hadir atau melalui kawasan peggandangan, Gendang Jaga-Jaga yang sedang dititir masa itu hendaklah diberhentikan dan diganti dengan “katar” terus dititir Gendang Perang. Gendang Perang tersebut akan dititir menurut bilangan yang berkelayakan digandangkan apabila mereka itu melalui kawasan peggandangan sehingga sempurna pemberhentiannya barulah diganti dengan titir yang baru.

- Kiranya semasa keberangkatan atau kehadiran orang yang berkelayakan itu sedang digendangkan tiba ada orang yang lebih tinggi berangkat maka gendang yang sedang dititir itu akan diberhentikan dan diganti dengan “katar” dan kemudian terus disambung dengan titir Gendang Perang.

Susunan acara istiadat membuka gendang jaga-jaga adalah seperti berikut:-

- Sebelum Pembesar-Pembesar Negara dan para jemputan hadir ke dalam majlis, alat-alat Gendang Jaga-Jaga yang terdiri daripada Gendang Labek disediakan oleh peggandang-peggandang yang diketahui oleh Ketua Juru Laki/Juru Laki di tempat yang ditentukan, iaitu di dalam Lapau di bahagian sebelah hujung manakala Agong dan Chanang diletakkan di paningkah bawah, hujung sebelah kiri dan Nakara diletakkan di atas Patarana manakala Serunai akan dibawa oleh peggandang masuk bersama-sama mereka ke dalam majlis.
- Pada masa yang ditentukan Pembesar-Pembesar Negara dan para jemputan yang dikhaskan masuk ke dalam majlis dan duduk mengikut taraf kedudukan masing-masing.

- Sebaik-baik sahaja Pembesar-Pembesar Negara dan para jemputan duduk di dalam majlis maka orang-orang yang berhak untuk diangkati Bintang Petian akan diangkati mengikut peringkat-peringkatnya. Kalau Putera-Putera Sultan yang Gahara dan Wazir yang terdiri daripada Putera-Putera Sultan yang Gahara akan diangkati Bintang Petian berlilit emas, Tikar dan Dian sama ada siang atau malam akan dinyalakan (ditunu). Cheteria-Cheteria dan Pengiran Peranakan akan diangkati Bintang Petian berlilit perak. Pehin Manteri berchiri akan diangkati Bintang Petian berlilit tembaga.
- Setelah selesai mengangkat Dian, Tikar dan Bintang Petian kepada orang-orang yang berhak untuk diangkati maka Ketua Juru Laki dan pengandang termasuk peniup serunai masuk ke dalam majlis.

- Sebagai menunjukkan majlis hendak dimulakan, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja masuk ke dalam majlis dan duduk di tempat yang ditentukan dan seterusnya diangkati Bintang Petian.
- Pehin Orang Kaya Digadong menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia.
- Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyembahkan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar atau orang yang disifatkan sedemikian bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah siap sedia, dijunjung sabda.



- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar atau orang yang disifatkan sedmikian menyabdakan supaya istiadat dimulakan.
- Pehin Orang Kaya Digadong balik ke tempat duduknya.
- Pehin Orang Kaya Digadong mengarahkan kepada Ketua Juru Laki supaya istiadat dimulakan. Ketua Juru Laki/Juru Laki menjunjung anugeraha berjalan menuju Patarana melalui peningkah bawah sebelah kiri. Ketika sampai di hadapan Patarana ia pun duduk dengan penuh hormat dan tertib mengangkat sembah. Setelah itu ia pun beringsut menaiki pipak tangga Patarana satu demi satu dan terus mengambil dan mengusung Nakara di atas kepalanya. Kemudian ia berjalan membelah majlis menuju ke tempat yang dikhaskan untuk Nakara itu, iaitu di hadapan Alat-Alat Gendang Jaga-Jaga yang lain.

- Ketua Juru Laki/Juru Laki pun mengangkat sembah dan apabila semuanya telah siap sedia, maka Ketua Juru Laki/Juru Laki pun menitir Nakara dan diikuti oleh tiupan Serunai dan gualan Gendang Labek, Agong dan Chanang dengan diiringi oleh tembakan meriam. Ini akan berterusan sehingga genap 21 titir dan 21 das tembakan meriam.
- Doa Selamat dibacakan oleh Pehin Datu Seri Maharaja.
- Sebaik-baik sahaja Doa Selamat dibacakan, Ketua Juru Laki/Juru Laki menjunjung anugeraha dan seterusnya mengusung Nakara menuju ke Patarana dan meletakkannya di tempat yang asal.

- Sebaik-baik sahaja Ketua Juru Laki/Juru Laki keluar dari majlis, maka Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela menyembahkan kepada Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan.
- Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah menyembahkan Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar atau orang yang disifatkan sedemikian bahawa Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga telah sempurna dilaksanakan, dijunjung sabda.

- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar atau orang yang disifatkan sedemikian menyabdakan agar majlis ditutup.
- Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar dan Duli-Duli Wazir, Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat, Timbalan-Timbalan Menteri, Pengiran-Pengiran Peranakan, Pehin-Pehin Manteri, Manteri-Manteri Hulubalang dan Pedalaman, Duta-Duta, Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Ketua-Ketua Jabatan serta para jemputan lainnya.

Jika Gendang Jaga-Jaga Kebesaran Diraja itu digunakan di majlis kepunyaan Sultan sendiri, maka apabila telah sempurna istiadat itu dibuka akan terus disembahkan ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan oleh Pehin Orang Kaya Digadong atau Manteri-Manteri yang ditentukan dan sesudah itu juga Alat Perhiasan Kebesaran Diraja yang digunakan untuk istiadat itu mula dipasang di Pemanjangan.

Jika Gendang Jaga-Jaga Kebesaran Diraja ini hendak dikurniakan kepada seseorang yang tertentu maka Gendang Jaga-Jaga yang telah dikurniakan itu akan dihantar oleh satu rombongan khas yang terdiri dari Manteri-Manteri yang tertentu dan akan diadakan lagi satu Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga di rumah orang yang dikurniakan itu, tetapi alat-alat Gendang Jaga-Jaga yang dikurniakan itu tidak mengandungi Nakara.

Sama ada Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja atau Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela.

Serentak dengan sempurnanya Istiadat Membuka Gendang Jaga-Jaga ini akan disertai dengan pemasangan Alat-Alat Perhiasan Diraja yang telah dikurniakan kepada orang itu.

Istiadat Menutup Gendang Jaga-Jaga yang digunakan oleh Sultan sendiri, akan diadakan di Istana dan bagi Gendang jaga-jaga yang dikurniakan, hanya akan diadakan di tempat yang dikurniakan itu sahaja.

## Kesimpulan

- Kertas kerja ini telah cuba membincangkan pengertian adat istiadat dan peranannya dalam kehidupan sehari-hari. Moga-mogalah ianya memberikan kita beberapa sumber ilmu pengetahuan dan fikiran yang berguna dalam menjaga hal ehwal adat istiadat ini, terutama sekali dalam memelihara, mengasuh, mempertahankan, memperturunkan (mengajarkannya) kepada generasi-generasi muda, dan tidak salah untuk mengubahnya ke arah membina dan menyempurnakan tanpa menjejaskan keasliannya.
- Bagaimanapun Adat Istiadat Brunei khususnya Adat Istiadat Diraja yang sudah diamalkan sejak sekian lama, dengan kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang berjiwa rakyat, sikap rakyat yang senitasa mengasihi rajanya, dan adanya institusi adat istiadat formal yang teratur, maka Adat Istiadat Brunei akan terus kekal menjadi identiti bangsa. Begitu juga rakyat Brunei yang berpegang kepada konsep Melayu Islam Beraja, akan tetap dapat memelihara tatasusila dan adat sopan santunnya.